

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1987

**PENURUNAN KUASA YAB. DATO' MENTERI BESAR
BAGAIMANA P.U.10/78 KEPADA PENTADBIR TANAH JAJAHAN &
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI UNTUK MELULUSKAN
PERMOHONAN PENDUDUKAN SEMENTARA (TOL) UNTUK
TAPAK BETAU DAN KONGSI DALAM KAWASAN PEMBALAKAN**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 8.7.1987 dibawah tajuk hal-hal lain telah menimbang masalah penggunaan Tanah Kerajaan sama ada di dalam atau di luar Kawasan Hutan Simpan oleh pembalak-pembalak. Untuk membolehkan kutipan hasil yang terhak kepada Kerajaan Negeri dan bagi menyingkat proses pengeluaran permit dan sewa sementara (TOL) untuk Tapak Betau dan Kongsi di dalam kawasan-kawasan pembalakan, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan bagaimana berikut:-

(a) Bagi Kawasan Hutan Simpan Kekal

(i) Bersetuju menurunkan kuasa yang diberi kepada YAB. Dato' Menteri Besar sebagaimana dalam P.U.10/78 kepada Pengarah Perhutanan Negeri untuk meluluskan sebarang permohonan sewa sementara (TOL) bagi mendirikan Kongsi atau Betau.

- (ii) Kadar-kadar bayaran adalah sebagaimana yang terjadual dalam Peraturan Hutan yang berkuatkuasa sekarang seperti berikut :-
- | | | | |
|----|--|---|--|
| a. | Permohonan untuk membina bangunan Kongsi atau Betau dalam Kawasan Hutan Simpan | - | \$100.00 |
| b. | Pengeluaran Permit | - | \$100.00 |
| c. | Bayaran Sewa Tahunan | - | \$270.00
bagi tiap-tiap
1000m ² |

(b) Bagi Kawasan Luar Hutan Simpan Kekal (Tanah Kerajaan)

- (i) Bersetuju menurunkan kuasa yang diberi kepada YAB.Dato' Menteri Besar sebagaimana dalam P.U. 10/78 kepada Pentadbir Tanah Jajahan untuk meluluskan permohonan sewa sementara (TOL) bagi mendirikan Kongsi atau Betau. Perakuan daripada Pengarah Perhutanan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum kelulusan diberi.
- (ii) Kadar-kadar bayaran dikenakan ialah \$400.00 bagi tiap-tiap 1,000m² (iaitu 4 kali ganda daripada kadar yang terjadual dalam Kaedah Tanah Kelantan 1966 Pek, 8/78 - (c) item 9).
- (c) Semua permit atau TOL yang dikeluarkan ini boleh diprbaharui dari semasa kesemasa oleh Pegawai yang mengeluarkannya.

2. Cara permohonan diproses adalah bagaimana permohonan biasa cuma ianya tidak perlu diperakukan oleh Jawatankuasa Tanah Jajahan.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Hj Ismail Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 15HB. OGOS 1987

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
Kelantan

SALINAN KEPADA:

YAB. Dato' Menteri Besar Kelantan

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Ukur Negeri Kelantan

YABrs. Pengurus Besar KESEDAR

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan

YABrs. Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan

FAIL: P.T.G.KN. 1163/JLD.2/(58).